



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JMG 201 – Kaedah Penyelidikan Dalam Geografi

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** (4) soalan daripada ENAM (6) soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Huraikan langkah-langkah utama dalam proses penyelidikan geografi.
(25 markah)

2. Bezakan antara kajian yang menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif.
(25 markah)

3. (a) Apa itu teknik persampelan bukan rawak?
(5 markah)

(b) Huraikan pembahagian teknik-teknik persampelan bukan rawak yang boleh digunakan dalam kajian geografi.
(20 markah)

4. Dengan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan skala-skala pengukuran data dalam bidang Geografi Manusia.
(25 markah)

5. Huraikan kepentingan sorotan literatur terhadap sesuatu kajian geografi.
(25 markah)

6. Bincangkan prosedur menjalankan kajian luar dalam mengkaji ciri-ciri fizikal sungai.
(25 markah)